



Program Pembangunan Kerjaya Bersama Halal2Go

Pengenalan

Halal2Go adalah sebuah perkhidmatan perbekalan dan penghantaran produk yang bersumberkan **halal dan patuh syariah**. Ia boleh dikategorikan kepada pembentuk jaringan perbekalan produk makanan segera, sedia-masak, sejuk-beku, produk runcit harian, pakaian, kosmetik, perubatan dan lain-lain produk yang dalam kategori yang sama **kecuali** produk yang haram seperti arak, daging babi, dadah dan menyalahi hukum Islam atau bercanggah dengan undang-undang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia atau pihak berkuasa tempatan.

Modus Operandi

Halal2Go beroperasi dengan berpandukan kepada aplikasi mobiliti yang 'Halal2Go' yang boleh dimuat-turun di aplikasi google playstore (android) dan appstore (IOS). Para vendor dilantikkan memperagakan produk-produk yang diaktifkan di dalam kedai online di Halal2Go untuk menerima tempahan daripada pelanggan samada menerusi kaedah penghantaran khas kepada pelanggan (menerusi 'rider'), ambilan sendiri (self-pickup) di premis vendor atau makan di premis vendor (dine-in).

Kategori Vendor

1. V1 – adalah vendor terdiri daripada pengusaha resort dan hotel yang mempunyai perkhidmatan tempahan meja makan di café/coffe-house/banquet-hall di premis mereka. Ia juga boleh diaplikasikan untuk tempahan 'ke bilik tetamu'. V1 juga sekiranya memilih untuk menerima tempahan penghantaran atau self-pickup juga dialu-alukan oleh pihak Halal2Go. Pengusaha Hypermarket juga dikategorikan sebagai V1.
2. V2 – adalah vendor terdiri daripada pengusaha pasaraya, pasar mini, kedai serbaneka atau kedai runcit mahupun agen pemborong produk yang beroperasi daripada rumah kediaman. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah samaada 'self- pickup atau penghantaran kepada pelanggan. Kami juga bakal menawarkan perkhidmatan kepada farmasi dan klinik untuk penghantaran ubatan berjadual atau ubat-ubat tanpa preskripsi doktor.

3. V3 - adalah vendor terdiri daripada pengusaha restoren, gerai, 'food-truck', café atau kantin yang menyediakan makan telah sedia dimakan. Perkhidmatan ditawarkan adalah 'self-pickup', 'dine-in' dan 'penghantaran kepada pelanggan'

Caj Perkhidmatan

1. Kami mengenakan caj perkhidmatan yang berpatutan dan akan diagihkan kepada agen, 'rider' dan pengurusan operasi Halal2Go. Dari semasa ke semasa caj perkhidmatan ini akan senantiasanya disertakan dengan kempen-kempen istimewa bagi meningkatkan nilai tambah perkhidmatan kepada pihak pelanggan perkhidmatan.
 - I. Caj perkhidmatan yang bakal dikenakan kepada vendor adalah diantara 15%-25% daripada jumlah nilai harga produk ditetapkan oleh vendor. Nilai ini boleh ditokok tambah daripada nilai asal agar vendor tidak mengalami kerugian atau kekurangan agihan keuntungan jualan.
 - II. Caj penghantaran adalah standard iaitu bagi jarak 10km atau minima daripada lokasi vendor bakal dikenakan RM5.00 per penghantaran manakala setiap kilometer seterusnya akan dikenakan RM0.60. Caj ini adalah bertujuan untuk membiayai upah 'rider'.

Program Agen Halal2Go

Halal2Go mewujudkan Program Agen Halal2Go (PAH) agar dapat mengembangkan pasaran perkhidmatan dengan lebih meluas disamping dapat bersama membina kerjaya cemerlang bersama usahawan tempatan.



Para AH menikmati segala insentif di atas mengikut komitmen yang diberikan kepada pihak Halal2Go dalam membina dan menguruskan pasaran perkhidmatan Halal2Go.

1. Komisen Pengenalan Vendor

Komisen ini berupa 'one-off' insentif ditawarkan kepada AH apabila mereka membuat promosi perekrutan vendor baru Halal2Go.

Nilai Komisen

- ✓ 1 rekrut sehingga mula urusaniaga V1 = RM100.00
- ✓ 1 rekrut sehingga mula urusaniaga V2 = RM80.00
- ✓ 1 rekrut sehingga mula urusaniaga V3 = RM50.00

2. Komisen Pengenalan Pengguna

Komisen ini berupa 'one-off' insentif ditawarkan kepada peserta PRA/pengguna biasa apabila merekrut setiap pengguna baru menggunakan 'link promosi' yang disediakan untuk dikongsikan menerusi aplikasi Halal2Go. Nilainya adalah sebanyak RM2.00 per rekrut. Ia boleh ditebus untuk pembelian melebihi RM2.00 menggunakan Halal2Go.

3. Diskaun Produk

Pihak Halal2Go akan sentiasa menyediakan kempen-kempen baru setiap minggu dan bulan bagi produk-produk vendor yang diurus-niaga di aplikasi Halal2Go. Kempen-kempen ini menyediakan 'promo-code' diskaun sehingga mencecah 50% daripada harga sebenar.

4. Komisen Jualan Vendor

Komisen ini ditawarkan kepada AH yang bersedia untuk bukan sahaja merekrut vendor malahan menguruskan kebajikan, khidmat pelanggan dan sokongan kepada vendor dibawah seliaan mereka. Komisen ditawarkan adalah sekitar 5-10% daripada perolehan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Halal2Go kepada Vendor mengikut komitmen yang diberikan oleh pihak AH. Syarat utama bagi penerimaan AH sebagai pengurus vendor ini adalah:-

- I. Agen Halal2Go adalah dikategorikan kepada 2 kumpulan iaitu:-
 - a. **Agensi Halal2Go -AH** yang dilantik oleh Halal2Go untuk menguruskan pemasaran dan perkhidmatan pelanggan bagi vendor seliaan mereka. AH hendaklah mencapai minimum 20 vendor yang aktif di dalam aplikasi Halal2Go untuk melayakkan dilantik sebagai AH. Mereka perlu memastikan bahawa setiap vendor

seliaan mereka beroperasi sebaiknya dengan segala tawaran menu yang sah setiap masa dan membantu mereka dalam mempertingkatkan pasaran dan keupayaan operasi mereka. Selain itu, AH juga merupakan pengurus vendor yang akan berurusan dengan pihak Halal2Go dalam pelbagai aspek daripada peringkat perekrutan, pengurusan menu/produk vendor dan apa jua urusan bersangkutan operasi vendor melibatkan aplikasi Halal2Go.

Pengagihan insentif semaksima 10% daripada servis fee yang dikenakan ke atas vendor oleh pihak Halal2Go setiap bulan adalah berdasarkan formula minima

Insentif AH = 10% x 20/20 (Jumlah Vendor)

(sekiranya melebihi jumlah 20 maka secara automatic insentif penuh akan diberikan kepada AH).

Sekiranya pada bulan tersebut hanya 10/20 vendor beroperasi maka jumlahnya akan berkurangan mengikut formula di atas.

AH yang bakal dilantik hendaklah mempunyai perniagaan berdaftar dengan SSM dan tidak mempunyai sebarang rekod jenayah atau bankrupsi. Segala bayaran insentif akan disalurkan terus ke akaun semasa AH.

- b. **Sub-Agen Vendor Halal2Go (SAH) – SAH** dilantik oleh pihak AH dengan perkenan pihak Halal2Go. Pengagihan insentif minima adalah sebanyak 5% sebulan daripada hasil kutipan servis fee Halal2Go. Ini bermakna jika pihak AH melantik mereka maka perkongsian 10% hendaklah diagihkan sebahagian kepada SAH. SAH juga boleh dilantik secara terus oleh pihak Halal2Go sekiranya tiada AH yang mengemukakan perlantikan sama kepada pihak Halal2Go. Insentif akan diagihkan kepada AH dan merekalah menyalurkannya kepada pihak SAH TETAPI dalam keadaan didapati bahawa SAH tidak menjalankan peranan menguruskan vendor secara bulanan pihak AH berhak untuk membuat permohonan kepada pihak Halal2Go untuk membatalkan pendaftaran SAH untuk program ini. (pihak SAH dalam keadaan ini perlu mengemukakan bukti sahih membuktikan tugas mereka dan penilaian pihak pengurusan Halal2Go adalah muktamad.) SAH tidak terikat untuk memastikan bahawa semua vendor yang diuruskan beroperasi mengikut formula AH namun segalanya adalah di bawah budibicara AH untuk mengagihkan insentif kepada SAH jika didapati gagal menguruskan vendor.
- II. Bersedia sepanjang masa perkhidmatan ditawarkan (waktu operasi) Halal2Go untuk membantu unit operasi Halal2Go untuk menguruskan segala hal berkaitan tempahan, promosi baru atau panggilan/notifikasi kecemasan/peringatan kepada vendor hal-hal berkaitan tempahan pelanggan atau aduan pelanggan/pengurusan Halal2Go.
 - III. Menguruskan pendaftaran lengkap vendor ke dalam sistem termasuklah berurusan dengan vendor untuk mendapatkan menu produk atau sebarang hal berkaitan untuk disalurkan kepada pengurusan operasi Halal2Go.
 - IV. Mengadakan sesi promosi pengenalan, membantu pengurusan operasi Halal2Go dalam hal berkaitan prosedur perekrutan dan 'aktivasi' vendor.

- V. Mengemaskini apa juga maklumat baru yang diberikan oleh vendor untuk dimasukkan ke dalam sistem Halal2Go seperti perubahan harga, menu dan tawaran promosi atau waktu operasi.

5. Keuntungan Perniagaan

AH yang berhasrat untuk menjadi vendor juga berpeluang untuk mendapat komisen perniagaan daripada hasil produk-produk yang diurusniaga dalam aplikasi Halal2go. AH juga boleh membuka 'e-mart' untuk menguruskan produk-produk sub-vendor di bawah seliaanya.

6. Kolam Insentif Bulanan

Insentif ini ditawarkan kepada AH mencapai jumlah sasaran perekrutan vendor baru atau mencapai jumlah jualan terkumpul vendor seliaan mencapai tahap tertentu yang akan ditetapkan kemudian. Kolam insentif bulanan ini akan diwujudkan apabila jumlah vendor yang aktif telah mencapai seminima 100 vendor. Insentif yang ditawarkan adalah dalam bentuk produk di bawah Halal2Go, wang tunai dan pakej percutian domestic.

PERHATIAN SEMUA PERMOHONAN YANG DILULUSKAN DIKATEGORIKAN SEBAGAI SUB-AGEN HALAL2GO DALAM TEMPOH PERCUBAAN SELAMA 1-3 BULAN MENGIKUT KOMITMEN DAN JUMLAH VENDOR BARU DIREKRUT & DIURUS-SELIAKAN!

Kepada Anda yang berminat untuk mendaftar menjadi Agen Halal2Go boleh mendaftar di www.agenhalal2go.vbizz.net

Untuk segala pertanyaan anda boleh juga whatsapp secara terus kepada



En. Shamsul Anuar Ibrahim
Pengurus Besar (Pembangunan Perniagaan)
(Negeri Pahang Darul Makmur)
Serba Dinamik IT Solutions Sdn Bhd
(Anak Syarikat Milik Penuh Serba Dinamik Group Berhad)
Whatsapp : 01139769754 | Email:joibrahim@e-serbadkgroup.com
www.serbadinamik.com